



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

DAKWAAN HUTAN DICEROBOH DI LOJING

21 APRIL 2016

Saya ingin menjelaskan bahawa kawasan yang didakwa diceroboh seperti yang dipaparkan di laman media sosial baru-baru ini merupakan kawasan yang berhampiran dengan Pos Blau, Lojing dan bukan kawasan hutan simpan kekal (HSK).

Maklumat ini berdasarkan semakan Pejabat Perhutanan Kelantan berhubung isu ini. Kawasan sekitar Pos Blau adalah berstatus bukan Hutan Simpan Kekal tetapi merupakan tanah milik di sebelah barat laut, kawasan ladang Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) di sebelah timur laut dan FELDA di sebelah selatan. Untuk makluman, kawasan-kawasan tersebut kini sedang dalam pembinaan teres untuk tujuan pertanian.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa kedudukan Hutan Simpan Kekal (HSK) berhampiran ialah sejauh 10 km dari kedudukan kawasan yang didakwa telah diceroboh.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) amat komited dalam usaha pemuliharaan hutan di negara ini. Semenanjung Malaysia mempunyai tanah seluas 13,184,629 hektar dan 44.23% daripadanya

merupakan kawasan berhutan yang terdiri daripada Hutan Simpanan Kekal, Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Tanah Bermilik.

Saya menggesa kepada orang ramai untuk melaporkan sebarang insiden yang melibatkan pencerobohan hutan dengan segera kepada NRE melalui laman sosial *facebook* rasmi NRE untuk siasatan dan tindakan yang sewajarnya.